

WAYANG KULIT PURWA:
SEJARAH DAN PENELITIAN REKABENTUK

AZMAN BIN MOHAMED
B6248447

KAJIAN SENILUKIS DAN SENIREKA
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM
SELANGOR
SESSI 1990/91.

ISI KANDUNGAN

PENDAHULUAN.....	iii
PENGHARGAAN.....	v
SENARAI ILLUSTRASI.....	vii
<u>BAB 1</u>	
Pengenalan.....	1
<u>BAB 2</u>	
Wayang Kulit Purwa Secara Keseluruhan.....	4
Asal usul wayang kulit.....	4
Maksud 'Purwa'.....	6
Persembahan Wayang Kulit Purwa.....	7
Pentas.....	7
Wayang.....	9
Peralatan Muzik Gamelan.....	11
Sajian dan Semangat.....	14
<u>BAB 3</u>	
Kategori Gunungan.....	18
Kategori Dewa Dewi.....	21
<u>BAB 4</u>	
Kategori Para Tapa.....	59
<u>BAB 5</u>	
Kategori Ksatria.....	65
Kategori Raksasa.....	78
<u>BAB 6</u>	
Kategori Binatang.....	89
Kategori Senjata.....	97
<u>BAB 7</u>	
Penggalakan dan Pengembangan Masa Depan Wayang Kulit di Malaysia.....	105
Masalah yang dihadapi.....	107

PENDAHULUAN

Tajuk ini dipilih adalah sebagai satu langkah untuk membuat penelitian dan penghayatan terhadap rekabentuk-rekabentuk wayang kulit purwa. Ini memendangkan dari masa ke semasa masyarakat dan individu khususnya di zaman moden dan pesat dengan teknologi komputer menyebabkan unsur-unsur kesenian terhadap wayang kulit semakin hari semakin luput. Tahap perkembangan teknologi di dunia amnya dan di Malaysia khususnya telah mengubah sebahagian besar masyarakat kota untuk tidak berpeluang lagi mengetahui dan mencintai tradisi ini.

Segala pendedahan dan penghuraian yang dibuat berdasarkan kepada rekabentuk-rekabentuk wayang kulit serta sejarahnya di dalam tesis ini diharapkan dapat dijadikan panduan dan penilaian oleh pihak-pihak tertentu yang ingin mengetahui dan memberi perhatian di dalam unsur-unsur permainan tradisi, khususnya dalam wayang kulit purwa.

Penghuraian ini juga bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pembaca bahawa di dalam aspek merekabentuk patung-patung wayang kulit itu tidak semudah yang disangkakan. Dalam merekabentuk setiap patung wayang kulit itu memerlukan ketekunan dan kesabaran kerana ianya merupakan faktor utama terhadap kualiti dan ketinggian nilai kesenian yang akan

PENGHARGAAN

Syukur kehadiran Allah s.w.t. kerana berkat keizininannya, saya berupaya menghasilkan dan menyiapkan tesis ini. Kejayaan ini juga adalah hasil daripada dorongan pensyarah-pensyarah dan pihak-pihak tertentu yang telah memberi kerjasama kepada saya dalam menghasilkan tesis ini.

Terima kasih dan penghargaan kepada:

1. Tuan Hj. Ibrahim (penasihat)
Pensyarah Jabatan Grafik,
Kajian Senilukis dan Senireka,
Institut Teknologi Mara,
Shah Alam,
Selangor.
2. Kakitangan,
Perpustakaan Tun Abd Razak (PTAR),
Institut Teknologi Mara,
Shah Alam,
Selangor.
3. Kakitangan,
Perpustakaan Raja Tun Uda,
Shah Alam,
Selangor.
4. Kakitangan,
Bahagian Dokumentasi dan Maklumat,
Kementerian Kebudayaan dan Pelancungan,
Tingkat 34, Bangunan PWTC,
Jalan Putra,
Kuala Lumpur.

PENGENALAN

Di Malaysia, secara umumnya terkenal dengan kebudayaan dan kesenian tradisional. Sebagai sebuah negara yang kaya dengan nilai-nilai dan juga khazanah seni negara, Malaysia tetap berusaha memelihara unsur-unsur keseniannya yang tersimpan sejak zaman berzaman itu. Salah satu daripada khazanah seni tersebut ialah permainan Wayang Kulit Purwa.

Di Semenanjung Malaysia terdapat 3 jenis wayang kulit, iaitu:

- i. Wayang Kulit Siam
- ii. Wayang Kulit Melayu
- iii. Wayang Kulit Purwa (Jawa)

Wayang kulit purwa atau Jawa ini ialah sejenis permainan tradisi rakyat yang tidak asing lagi bagi kalangan masyarakat keturunan Jawa baik di Malaysia mahupun di Indonesia sendiri. Pada umumnya ketiga-tiga jenis permainan tradisional tersebut terdapat dengan meluas di Utara Semenanjung Malaysia dan juga di Selatan Semenanjung. Wayang kulit melayu dan wayang kulit Siam terdapat dengan meluas di negeri-negeri utara semenanjung, iaitu Kelantan, Terengganu, Perlis dan Kedah. Sementara wayang kulit purwa pula hanya terdapat dengan meluas di negeri Johor disamping negeri Selangor.